



کتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE

Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Tan Sri Hj Harussani,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402
Faks: 05-5018540
Emel: khsperek@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 2 (34)
Tarikh: 7 Syaaban 1444H
28 Februari 2023M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 5 Tahun 2023

Tanggungjawab Pendaftar atau Hakim
Ketika Mentadbir Sumpah Affidavit

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A / Y.A / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 12 Januari 2023 berdasarkan peruntukan seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan arahan berkenaan tanggungjawab Pendaftar atau Hakim ketika mentadbir sumpah di hadapannya dalam sesuatu Affidavit yang akan digunakan di Mahkamah Syariah adalah sebagaimana berikut:

1. Menentukan identiti, butir-butir peribadi sebagaimana yang diberikan dalam kad pengenalan, pasport atau dokumen pengenalan rasmi lain dan alamat orang yang membuat pernyataan afidavit itu;
2. Memastikan deponen membaca dengan jelas atau menggunakan bahasa isyarat bagi kandungan pernyataan di dalam afidavit itu;
3. Membacakan dan menerangkan kandungan afidavit dan ekshibit yang dilampirkan bersama afidavit itu, jika deponen itu seorang yang buta, buta huruf atau tidak memahami bahasa yang tertulis dalam affidavit itu;
4. Memastikan deponen memahami kandungan pernyataan afidavit itu;
5. Memastikan deponen membuat pernyataan dalam afidavit itu secara sukarela;
6. Mengenalpasti dan memperakukan ekshibit yang dilampirkan bersama afidavit itu dalam Borang MS 27 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004;
7. Memastikan deponen menurunkan tandatangan / cap jari di ruangan yang disediakan dalam Borang MS 26 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004;
8. Pendaftar atau Hakim menurunkan tandatangan / cap jari di ruangan yang disediakan berserta nama dan jawatan dalam Borang MS 26 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004; dan
9. Merekodkan maklumat deponen, tajuk Affidavit, no kes (jika berkaitan) di dalam Rekod Daftar Affidavit.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai **12 Januari 2023.**



(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk

7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak

